JPA. Sulit 81/7/9-8/2/(32). Siri No 0328

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA

MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 11 TAHUN 1979

PINDAAN KADAR ELAUN KERAIAN BAGI KETUA SETIAUSAHA NEGARA DAN KADAR ELAUN SEWA RUMAH BAGI PEGAWAI-PEGAWAI TINGKATAN-TERTINGGI "A" DAN KE ATAS

Perubahan Kadar Elaun

Kerajaan telah meluluskan, mulai daripada 1hb Ogos, 1979, perubahan kepada kadar bayaran elaun-elaun berikut:

(*a*) *Elaun Keraian*

Pegawai Turus I ... ... $750 sebulan

(*b*) *Elaun Sewa Rumah*

Gred Pegawai	Kadar
(i) Pegawai-pegawai Tingkatan Turus I, II dan III dan pegawai-pegawai yang lain yang setaraf dengannya	Mengikut kadar Elaun Sewa Rumah yang dibayar kepada Timbalan Menteri
(ii) Ketua Executive atau Ketua Pengarah bagi satu-satu Badan Berkanun yang bertaraf Pegawai Tingkatan Turus III dan ke atas	$1,200 sebulan
(iii) Pegawai-pegawai Tingkatan-tertinggi "A" dan pegawai-pegawai yang lain yang setaraf dengannya	$800 sebulan

Pindaan kepada Lampiran "D"

2. Dengan ini Lampiran "D" kepada Pekeliling-pekeliling Perkhidmatan bagi perlaksanaan penyemakan gaji di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet adalah dipinda seperti berikut:

(i) *Perenggan 15 hendaklah dipotong dan digantikan dengan perenggan 15 baru seperti berikut:

"15. Pegawai-pegawai perkhidmatan awam yang tersebut di dalam perenggan-kecil (*b*) (i) Perintah Am 15 Bab "E" yang tidak diuntukkan rumah kediaman Kerajaan layak untuk mendapat Elaun Sewa Rumah seperti berikut:

Pegawai-pegawai Turus I, II dan III dan yang lain yang setaraf dengannya	Mengikut kadar Elaun Sewa Rumah yang dibayar kepada Timbalan Menteri
Pegawai-pegawai Tingkatan-tertinggi "A" dan yang setaraf dengannya	$800 sebulan

(ii) Ganti angka $600 di bawah ruang "Kadar" perenggan 17 dengan angka $750.

(iii) Gantikan dengan kadar baru dalam perenggan 11, Lampiran "D" kepada Pekeliling-pekeliling Perkhidmatan yang berikut seperti di bawah ini:

Gred Gaji	Kadar Lama	Kadar Baru
A2	$800	$1,200
A3	$750	$1,200
A4	$700	$ 800

Pekeliling Perkhidmatan Gaji Bersih Baharu Badan-badan Berkanun Semenanjung Malaysia, 1977;

Pekeliling Perkhidmatan Gaji Bersih Baharu Kuasa-kuasa Tempatan Semenanjung Malaysia, 1977;

Pekeliling Perkhidmatan Gaji Bersih Baharu Badan-badan Berkanun Sabah, 1978;

Pekeliling Perkhidmatan Gaji Bersih Baharu Kuasa-kuasa Tempatan Sabah, 1978;

---

*Pekeliling-pekeliling Perkhidmatan yang terlibat ialah:
Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1977
Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1977
Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1977
Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1978
Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1978

Pekeliling Perkhidmatan Gaji Bersih Baharu Badan-badan Berkanun Sarawak, 1978;

Pekeliling Perkhidmatan Gaji Bersih Baharu Kuasa-kuasa Tempatan Sarawak, 1978.

TAN SRI HASHIM BIN AMAN,
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Malaysia

JABATAN PEKRHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA,
KUALA LUMPUR,
13hb November, 1979

JABATAN PERCETAKAN NEGARA, KUALA LUMPUR
68734—20-11-79.